

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH
[SABAK BERNAM]**

TARIKH : **17.6.2014**

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian untuk meningkatkan mutu pendidikan negara dan memastikan semua rakyat negara ini berpeluang mendapatkan pendidikan yang berkualiti serta nyatakan langkah Kementerian untuk meningkatkan lebih ramai lagi rakyat negara ini masuk sekolah dan prasekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 sebagai pelan perancangan untuk meningkatkan sistem pendidikan dan keberhasilan murid. Melalui PPPM, KPM telah menetapkan matlamat yang jelas dengan meningkatkan lima aspirasi sistem untuk mencapai enam ciri-ciri pelajar. Melalui 11 Anjakan, PPPM telah menggariskan 55 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tiga gelombang. Bagi tahun ini KPM akan melaksanakan 14 inisiatif utama yang menjurus kepada aspek keberhasilan murid dan meningkatkan kualiti guru dan pemimpin sekolah.